

Cambridge pilih Malaysia tempat kajian

OH 16 DEC 2002

KAMPAR, Ahad – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Universiti Cambridge, United Kingdom (UK) memilih Malaysia bagi tujuan kajian dan rujukan bidang hubungan antara kaum.

Timbalan Perdana Menteri berkata, universiti itu juga sudah mewujudkan satu jabatan khas untuk mengkaji semua perkara berkenaan hubungan antara kaum selepas melihat kemakmuran hubungan kaum di negara ini.

“Universiti itu sedar bahawa hanya Malaysia yang dapat dijadikan rujukan mereka untuk kajian berkenaan dan perkara itu boleh dipelajari oleh negara-negara lain,” katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Aidilfitri Rakyat anjuran bahagian Umno Kampar, Tapah dan Tanjung Malim di sini, hari ini.

Lebih 5,000 rakyat pelbagai kaum mengunjungi majlis itu. Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tualang Sekah yang juga Ketua Umno Bahagian Kampar, Datuk Radzi Manan serta barisan pemimpin negeri.

Abdullah berkata, kerjasama baik dan hubungan erat antara semua kaum perlu dikekalkan kerana ia membawa manfaat kepada pembangunan negara.

“Kerajaan Barisan Nasional (BN) tetap mengutamakan perpaduan kaum yang sihat serta nikmat keamanan dan keselamatan yang mampu melicinkan pembangunan negara,” katanya.

Pada majlis sama, Abdullah merasmikan Pusat Penghayatan Bahasa Ing-

geris Taman Raya yang di-kendalikan Umno bahagian.

Pusat bernilai RM30,000 itu bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat terutama generasi muda selain menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu rakyat menguasai bahasa Inggeris.

Sementara itu, isteri Abdullah, Datuk Seri Endon Mahmood mengambil kesempatan, untuk melawat sekolah lamanya, Sekolah Anglo Chinese School (ACS) Kampar, di sini bagi mengimbas kenangan ketika belajar di sekolah itu pada 1950-an.

Beliau menghabiskan kira-kira sejam di sekolah yang kini dikenali Sekolah Menengah Methodist ACS Kampar, juga bertemu beberapa rakan lama.

Malah Endon berpeluang bertemu guru kelasnya, Chye Kooi Leong, 61.

Ketika di Sekolah ACS Kampar, Endon aktif dalam Persatuan Palang Merah Junior selain bergiat dalam acara sukan termasuk lari berganti-ganti.

Endon turut menderma RM50,000 kepada pengurusan sekolah itu.

Beliau turut berkunjung ke rumah lama yang didiami keluarganya di No 4, Lorong 6, Aston Settlement, di sini.

Endon diiringi isteri Menteri Besar, Datin Seri Kamariah Mokri, pihak pengurusan Sekolah Methodist ACS Kampar dan pemimpin masyarakat terutama ketua pertubuhan wanita.